

Persepsi Pensyarah Untuk Mengajar Kursus Keusahawanan: Satu Kajian Empirikal Di Universiti Utara Malaysia

Y.K. Ooi,* Habshah, B., Shuhymee, A., Norashidah, H.

Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan, Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia,

*Corresponding author: ykooi@uum.edu.my

Abstrak

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti persepsi pensyarah-pensyarah di Universiti Utara Malaysia (UUM) untuk mengajar subjek keusahawanan kepada para pelajar UUM. Seramai 92 pensyarah dari tiga Kolej Akademik, iaitu Kolej Perniagaan, Kolej Sains dan Sastera dan Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa terlibat dalam kajian ini. Hasil analisis menunjukkan secara keseluruhannya, tahap persepsi pensyarah-pensyarah UUM terhadap pengajaran keusahawanan adalah sederhana tinggi. Kajian ini telah mengemukakan beberapa langkah dan cadangan kepada pihak terlibat seperti universiti dan kerajaan (Kementerian Pendidikan) untuk meningkatkan dan mempromosikan program keusahawanan sedia ada.

Kata-kata kunci: Keusahawanan, persepsi, soal selidik, pensyarah universiti

PENGENALAN

Keusahawanan boleh dikatakan sebagai salah satu bidang yang amat penting bagi sesebuah negara kerana ia mampu mengakis budaya makan gaji dalam kalangan rakyatnya (Abdul Aziz, 1998). Keusahawanan juga telah menjadi satu teras yang amat penting dalam pembangunan ekonomi dan sosial di seluruh dunia (Gnyawali & Fogel, 1994; Landstrom, 2005). Aktiviti keusahawanan menggalakkan inovasi, menambah peluang pekerjaan, meningkatkan daya saing global sesebuah syarikat, di samping memacu dan meningkatkan ekonomi (Bygrave, 2004; Bennett, 2006).

Kesedaran terhadap kepentingan keusahawanan telah mendorong kerajaan menjadikan pelajaran keusahawanan diajar di universiti untuk menggalakkan pelajar menjadikan keusahawanan sebagai pilihan kerjaya mereka setelah tamat pengajian (Staff, 2006). Sehubungan itu, Modul Pembudayaan Asas Keusahawanan telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) untuk tujuan tersebut (Syahrina, Habshah, Ooi & Norashidah, 2009).

Permintaan yang tinggi kepada pendidikan keusahawanan membawa bersamanya persoalan berkaitan dengan tenaga pengajar yang bersesuaian untuk mendidik dan melahirkan usahawan dalam kalangan graduan. Memandangkan pihak kerajaan telah mewajibkan kursus keusahawanan diajar di semua IPTA, kajian perlu dilakukan terhadap para pensyarah yang menjadi “tulang belakang” ke arah menjayakan polisi kerajaan ini.

Di antaranya adalah meninjau persepsi seseorang pensyarah yang akan mengajar kursus ini terhadap keusahawanan di mana persepsi ini berpotensi mempengaruhi pandangan dan tindakan mereka terhadap pengajaran kursus berkenaan. Apakah tahap persepsi pensyarah-pensyarah ini terhadap keusahawanan? Memandangkan kejayaan mewujudkan budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar-pelajar adalah melalui pendidikan, maka hanya tenaga pengajar yang berminat akan mampu merealisasikan aspirasi kerajaan ini. Dengan itu, golongan pensyarah perlu diberi keutamaan. Sehubungan itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti persepsi pensyarah-pensyarah di Universiti Utara Malaysia (UUM) untuk mengajar subjek keusahawanan kepada para pelajarnya.

ULASAN KARYA

Pendidikan keusahawanan telah didefinisikan sebagai satu proses pembelajaran sepanjang hayat untuk mendapatkan pengetahuan, kemahiran dan nilai keusahawanan melalui pengajaran atau pembelajaran secara formal atau tidak formal (Nor Aishah, 2002). Kurikulum pendidikan keusahawanan diasaskan kepada lima tunjang utama iaitu pembentukan sikap dan ciri-ciri keusahawanan, pembentukan pemikiran keusahawanan, kemahiran pengurusan perniagaan, pembentukan vokasional dan amalan etika dan moral keusahawanan (Nor Aishah, 2002). Rushing (1990) menegaskan bahawa pendidikan keusahawanan tidak boleh menggunakan satu perspektif yang jumud kerana bidang keusahawanan adalah satu proses yang dinamik.

Pendidikan keusahawanan secara formal bertujuan untuk membentuk seorang insan yang tidak terfikir untuk menjadi usahawan sehingga insan tersebut berminat, mengenal dan memilih kerjaya tersebut. Pendidikan secara tidak formal pula diperolehi melalui pendedahan dan interaksi harian individu dengan persekitaran berkaitan aktiviti keusahawanan yang sebenar secara tidak terancang dan sedar (Nor Aishah, 2002). Pendidikan dan latihan keusahawanan memainkan peranan yang penting bagi melahirkan usahawan-usahawan yang baru (Zaidatol & Habibah, 1997; Ooi, 2008). Terdapat beberapa ciri keusahawanan yang perlu dibentuk melalui pendidikan

keusahawanan seperti keperluan untuk pencapaian, berkeyakinan, kepimpinan, kreatif, berinisiatif, mempunyai jaringan hubungan, berimajinasi dan mengambil risiko sederhana (Nor Aishah, 2002).

Pertambahan penawaran kursus akademik sama ada sebagai kursus teras, kursus elektif, program keusahawanan, kursus di peringkat pasca siswazah atau pelbagai program keusahawanan di IPTA (Mohd Khairuddin & Syed Azizi, 2002; Ishak et al., 2004) memerlukan ramai bilangan tenaga pengajar bagi menjayakannya. Sementara itu, pensyarah yang mengajar keusahawanan mempunyai peranan penting dan memerlukan kompetensi pengajaran yang berkesan untuk menyampaikan ilmu keusahawanan secara berkesan dengan menitikberatkan aspek-aspek tertentu seperti aspek penguasaan pensyarah terhadap konsep keusahawanan, isi kandungan subjek tersebut, kaedah-kaedah pengajaran yang dipilih serta sikap pensyarah terhadap keusahawanan. Oleh itu, para pensyarah seharusnya berkeupayaan untuk memerhati dan menganalisis pengalaman-pengalaman yang dimiliki usahawan lain dalam usaha untuk meningkatkan persekitaran pengajaran dan pembelajaran dalam kuliah. Mengikut Williams (2003), kompetensi pengajaran meliputi bidang pedagogi, sosial, komunikasi dan interaksi. Justeru itu, pensyarah sewajarnya memiliki keperibadian yang tinggi, proaktif dan mempunyai kemahiran perniagaan yang sewajarnya untuk memastikan keberkesanannya penyampaian ilmu berlaku (Yahya, 2004).

Namun demikian, persepsi pensyarah terhadap keusahawanan juga tidak kurang pentingnya dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P). Persepsi merupakan pandangan mengenai sesuatu perkara, sama ada ia berbentuk positif atau negatif. Sekiranya pensyarah tersebut memiliki pandangan positif, nescaya beliau akan memberikan keputusan yang terbaik terhadap sesuatu tugas yang dilakukannya (Boon & Bohari, 2010). Justeru, pensyarah sebagai pendidik dan penyebar maklumat semasa proses P&P perlu menunjukkan persepsi yang positif kerana segala tindakan mereka menjadi tumpuan pelajarnya (Yahya, 2004; Boon & Bohari, 2010) dan beliau akan menyumbangkan segalanya terhadap bidang tersebut (Sharifah Alwiah, 1987).

REKA BENTUK KAJIAN

Reka bentuk kajian secara keratan rentas (*cross-sectional*) telah digunakan yang mana ia melibatkan pensyarah-pensyarah di UUM dari Kolej Perniagaan (COB), Kolej Sastera dan Sains (CAS) dan Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa (COLGIS) pada tahun 2012. Daripada populasi seramai 600 orang pensyarah, saiz sampel seramai 234 orang telah dipilih mengikut cadangan Krejcie dan Morgan (1970) secara rawak mudah berstrata (*proportionate*). Namun, hanya 92 borang soal selidik telah berjaya dikutip yang mewakili 20.4 peratus daripada jumlah keseluruhan sampel.

Borang soal selidik mencerap maklumat latar belakang responden serta latar belakang perkhidmatan responden dan 8 item mengenai tahap persepsi terhadap bidang keusahawanan yang diubahsuai daripada Bennett (2006). Data dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 19.0.

DAPATAN KAJIAN

Hasil analisis mendapati bahawa majoriti responden yang terlibat dengan kajian ini adalah wanita (55.4 peratus) berbanding responden lelaki (44.6 peratus); responden berumur di antara 36 hingga 40 tahun (30.4 peratus), diikuti kumpulan yang berumur di antara 31 hingga 35 tahun (21.7 peratus) dan kumpulan yang berumur 46 tahun ke atas (20.7 peratus); berbangsa Melayu (87.0 peratus), berbanding kaum Cina (7.6 peratus), India (2.0 peratus) dan bangsa lain (3.3 peratus). Separuh responden berkelayakan PhD dan bakinya Sarjana (sila rujuk Jadual 1).

Lebih 50 peratus terdiri daripada pensyarah dari Kolej Perniagaan (COB), diikuti oleh mereka dari Kolej Sastera dan Sains (CAS) sebanyak 32.6 peratus dan dari Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa (COLGIS) sebanyak 12 peratus. Lebih 50 peratus telah pun berkhidmat di UUM dari 10 hingga 14 tahun. Majoriti responden, iaitu sebanyak 82.6 peratus terdiri daripada pensyarah yang berstatus sepenuh masa, manakala tidak ramai (14.1 peratus) yang berstatus sepenuh masa (kontrak). Analisis kajian ini juga mendapati para responden tidak mempunyai pengalaman dalam perniagaan atau bidang keusahawanan (73.9 peratus), berbanding mereka yang berpengalaman dalam bidang keusahawanan (26.1 peratus). Daripada 24 orang pensyarah yang mempunyai pengalaman tersebut, didapati 37.5 peratus memperolehi pengalaman dengan cara membantu ahli keluarga atau saudara mara dalam bidang perniagaan. Ini diikuti dengan pengalaman melalui menjalankan perniagaan sendiri (33.3 peratus), melalui pengalaman-pengalaman lain (20.8 peratus) dan pernah terlibat dalam perniagaan semasa di sekolah, kolej atau universiti (8.3 peratus).

Jadual 1 Latar belakang responden

Kategori	Bilangan Responden	Peratus (%)
Jantina		
1. Lelaki	41	44.6
2. Wanita	51	55.4

<u>Umur</u>		
1. Bawah 30 tahun	8	8.7
2. 31 – 35 tahun	20	21.7
3. 36 – 40 tahun	28	30.4
4. 41 – 45 tahun	17	18.5
5. 46 tahun dan ke atas	19	20.7

<u>Bangsa</u>		
1. Melayu	80	87.0
2. Cina	7	7.6
3. India	2	2.2
4. Lain-lain	3	3.3

<u>Kelayakan Akademik</u>		
1. PhD	46	50.0
2. Sarjana	46	50.0

Jadual 2 Latar belakang perkhidmatan responden

Kategori	Bilangan Responden	Peratus (%)
<u>Kolej Pengajian</u>		
1. COB	51	55.1
2. CAS	30	32.6
3. COLGIS	11	12.0
<u>Tempoh Perkhidmatan di UUM</u>		
1. 20 tahun dan ke atas	8	8.7
2. 15 – 19 tahun	8	8.7
3. 10 – 14 tahun	51	55.4
4. 5 – 9 tahun	9	9.8
5. Kurang daripada 5 tahun	16	17.4
<u>Status Perkhidmatan</u>		
1. Pensyarah sepenuh masa	76	82.6
2. Pensyarah sepenuh masa (kontrak)	13	14.1
3. Pensyarah separuh masa	1	1.1
4. Pensyarah sambilan	2	2.2
<u>Pengalaman dalam Keusahawanan</u>		
1. Berpengalaman	24	26.1
2. Tidak berpengalaman	68	73.9
<u>Jika Berpengalaman, dimana Pengalaman Diperolehi (n=24)</u>		
1. Terlibat dalam perniagaan di sekolah /kolej /universiti	2	8.3
2. Membantu perniagaan keluarga atau saudara mala	9	37.5
3. Memulakan perniagaan sendiri	8	33.3
4. Melalui pengalaman lain	5	20.8
<u>Rancangan melibatkan Diri dengan Aktiviti Keusahawanan di Masa Depan</u>		
1. Ya	31	33.7
2. Tidak	37	40.2
3. Tidak pasti	24	26.1

Seterusnya, hasil analisis mendapati sebanyak 33.7 peratus responden bercadang untuk melibatkan diri dengan aktiviti keusahawanan di masa depan berbanding mereka yang tidak berminat untuk menceburi bidang keusahawanan pada masa depan, iaitu sebanyak 40.2 peratus (sila rujuk Jadual 2).

Untuk mengenal pasti tahap persepsi terhadap keusahawanan, kaedah pengukuran skala Likert 5 mata dari yang terendah (1 = sangat tidak setuju) hingga yang tertinggi (5 = sangat setuju) digunakan terhadap 8 item yang diadaptasi dari Bennet (2006). Untuk menginterpretasi tahap respon berkaitan item ini, cadangan oleh Alias (1997) digunakan jika min di antara 3.01- 4.00 dianggap mempunyai kedudukan tahap sederhana tinggi manakala min yang melebihi 4.01 berada di tahap tinggi.

Adalah didapati bahawa min keseluruhan pembolehubah persepsi pensyarah-pensyarah yang berkhidmat di UUM terhadap bidang keusahawanan adalah sebanyak 3.86 (SD=0.549) iaitu pada tahap sederhana tinggi. Jika dirujuk secara terperinci, didapati item B1 hingga B5 mempunyai skor min dibawah skor 4.0, manakala bagi item B6 hingga B8 mempunyai skor min yang tinggi iaitu melebihi nilai skor 4.0. Secara keseluruhannya, didapati bahawa tahap kefahaman menurut persepsi pensyarah-pensyarah perniagaan terhadap keusahawanan adalah sederhana tinggi (min=3.86; SD=.549) (Lihat Jadual 3).

Jadual 3 Keputusan analisis deskriptif: Persepsi pensyarah terhadap keusahawanan

Item	Perkara	Min	Sisihan Piawai (SD)
B1	Keusahawanan bermaksud memiliki dan mengurus sebuah perniagaan	3.95	.953
B2	Seseorang yang memulakan usaha teroka baru adalah seorang usahawan	3.83	.921
B3	Keusahawanan adalah berdasarkan kepada aspek praktikal bagi menjalankan sesuatu perniagaan kecil	3.50	.966
B4	Usahawan merujuk kepada seseorang yang sangat berbeza berbanding dengan orang lain	3.51	1.094
B5	Seseorang usahawan adalah mempunyai kepintaran, ketabahan dan kuasa pujukan	3.96	.837
B6	Usahawan yang berjaya perlu mempunyai visi, impian yang tinggi dan sikap karismatik	4.02	.838
B7	Usahawan sangat berbeza berbanding dengan orang lain dari sudut pengambilan risiko	4.11	.883
B8	Usahawan mempunyai satu sikap keinginan yang kuat untuk berjaya	4.03	.943
Purata Keseluruhan		3.86	.549

PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Sekiranya kefahaman yang salah diberikan, kesannya ialah pelajar tidak dapat menjiwai ciri-ciri usahawan yang sebenarnya yang mana boleh mempengaruhi kejayaan perniagaan mereka. Ini memandangkan kefahaman yang diterapkan dalam pendidikan keusahawanan ini akan membantu melahirkan usahawan-usahawan yang baru (Zaidatol & Habibah, 1997) dan membina potensi keusahawanan individu (Nor Aishah, 2002). Pendidikan keusahawanan yang betul mampu mendidik seseorang itu mengenal pasti peluang dan merebut peluang yang tercusus dalam persekitarannya, menterjemahkan idea ke dalam bentuk realiti atau satu kegiatan ekonomi dan mampu bertahan dan peka dengan perubahan dan ketidakpastian (Yap, 2002; Nor Aishah, 2002). Justeru itu, tahap persepsi yang sederhana tinggi ini memberikan gambaran positif bahawa tenaga pensyarah ini mampu memberikan pengajaran yang berkesan dalam membangunkan pemikiran dan potensi keusahawanan dalam kalangan pelajar. Tambahan pula, kebanyakan mereka mempunyai pengalaman pengajaran yang lama di IPTA. Penyataan-penytataan ini disokong oleh beberapa kajian lepas. Antaranya ialah Rabbior (1990) yang mencadangkan supaya pendidikan keusahawanan disampaikan oleh mereka yang benar-benar bersifat keusahawanan.

Penyataan ini juga disokong oleh Bennet (2006) yang menyatakan bahawa pensyarah-pensyarah merupakan kumpulan yang penting yang bertanggungjawab untuk mengajar kursus keusahawanan dan mempengaruhi para pelajar serta merangsang minat mereka terhadap bidang keusahawanan. Dalam memastikan kejayaan P&P keusahawanan ini, adalah dicadangkan agar pihak universiti dan Kementerian Pendidikan menambah dan meningkatkan kursus dan latihan keusahawanan bagi memperkasakan pensyarah terlibat dalam pendidikan keusahawanan.

Selain itu, pihak universiti dan Kementerian sewajarnya membuka ruang bagi pensyarah yang mengajar kursus keusahawanan melibatkan diri secara langsung dalam menguruskan perniagaan sendiri atau sebagai rakan kongsi dengan projek perniagaan yang dijalankan oleh pelajar. Ini adalah disebabkan perlunya pensyarah tersebut mendapat pengalaman secara "hands-on" bagi membolehkan mereka mengajar atau menyampaikan ilmu keusahawanan dengan lebih berkesan.

RUJUKAN

- Abdul Aziz, Y. (1998). *Asas-Asas Keusahawanan*. Selangor: Prentice Hall (M) Sdn.Bhd.
- Alias, B. (1997). Statistik penyelidikan dalam pendidikan dan sains sosial. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bennett, R. (2006). "Business lecturers' perceptions of the nature of entrepreneurship", *International Journal of Entrepreneurial Behaviour & Research*, 12(3), 165 – 188.
- Boon, Y., & Bohari, S. (2010). Kesediaan untuk menceburi bidang keusahawanan di kalangan pelajar-pelajar Bumiputera Tingkatan Enpat di tiga buah sekolah sekitar Skudai, Johor. http://eprints.utm.my/10747/1/KESEDIAAN_UNTUK_MENCEBURI_BIDANG_KEUSAHAWANAN_DI_KALANGAN_PELAJAR.pdf
- Bygrave, W. D., Z., A., Ed. (2004). *The portable MBA in entrepreneurship. The entrepreneurial process*. New Jersey, John Wiley & Sons, Inc.
- Gnyawali, D. R. & Fogel, D. S. (1994). "Environments for entrepreneurship development: Key dimensions and research implications." *Entrepreneurship Theory and Practice*, 18(4), 43-62.
- Ishak, A.R., Jumaat, A.M., Ahmad Raflis, C.O., Zainal Abidin, H. (2004). Pelaksanaan aktiviti keusahawanan di institusi pengajian tinggi awam di Malaysia: pengalaman beberapa buah universiti awam terpilih. *Proceedings of Universiti Tenaga Nasional International Business Management Conference*, 508-516.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610.
- Landstrom, H. (2005). *Pioneers in Entrepreneurship and Small Business Research*. New York, Springer Science+Business Media, Inc.
- Mohd Khairuddin, H., & Syed Azizi, W. (2002). *Small and Medium-sized Enterprise in Malaysia: Development Issues*. Kuala Lumpur. Prentice Hall Pearson.
- Nor Aishah, B. (2002). *Asas Keusahawanan*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ooi, Y.K. (2008). *Inclination towards entrepreneurship among Malaysian university students in northern Peninsular Malaysia*. Unpublished DBA thesis. Swinburne University of Technology, Australia
- Rabbior, G. (1990). Elements of a successful Entrepreneurship/Economics/Education Program. Dlm. Kent, C.A. Entrepreneurship education: current development. Future directions, New York: Quorum Books, 53-66.
- Rushing, W. F. (1990). Enterpreneuership and education. Dlm. Calvin A. Kent (1990). *Enterpreneuership Education: Current Developments, Future Direction*. New York: Quorum Books.
- Sharifah Alwiah, A. (1987). Psikologi pendidikan 1: Konsep-konsep asas psikologi, dan psikologi pendidikan, psikologi perkembangan. Kuala Lumpur : Heinemann (Malaysia)
- Staff, (2006), 'Keusahawanan jadi kurikulum sekolah, IPT', *Berita Harian*, January 5.
- Syahrina, A., Habshah, B., Ooi, Y. K. & Norashidah, H. (2009). Kajian Keberkesanan Graduan Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan Universiti Utara Malaysia. Prosiding Seminar Kebangsaan Pembangunan Keusahawanan 2009, 8-9 Disember 2009.
- Williams, C. (2003). *Management. Second Edition*, Thomson-Southwestern: Mason, Ohio.
- Yahya, N. F. (2004). *Persepsi pelajar terhadap keberkesanan pengajaran guru pengajian keusahawanan: Satu kajian di Sekolah Menengah Teknik Alor Setar, Kedah*. Tesis Sarjana, Kolej Universiti Teknologi Tunh Hussien Onn.
- Yap, P. M. (2002). *Kesediaan guru-guru perdagangan terhadap pengajaran subjek pengajian keusahawanan*. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zaidatol Akmaliah, L.P., Habibah, E. (1997). *Keusahawanan dan Motivasi diri*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.